

Lebihan isi padu air dilihat punca gempa di Kenyir

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Gegaran kecil yang berlaku di Tasik Kenyir dilihat berpunca daripada lebihan isipadu air di kawasan tasik berkenaan yang menerima kekerapan hujan baru-baru ini.

Pensyarah di Jabatan Geologi Universiti Malaya (UM), **Prof. Madya Mustaffa Kamal Shuib** berkata, gegaran 2.7 skala Richter yang berpunca daripada tekanan air berlebihan sehingga menyebabkan berlakunya letupan tersebut bagaimanapun tidak membahayakan keadaan persekitaran.

Katanya, gegaran itu bukan pertama kali berlaku di kawasan empangan berkenaan sebaliknya merupakan kali ke-27 dengan yang pertama berukuran 4.6 skala Rich-

ter pada 32 tahun lalu.

"Selain itu, gempa yang terjadi ini berlaku akibat tekanan di bahagian dasar yang menyebabkan retakan sehingga mengalami bukaan batuan yang pecah dan menghasilkan letupan seperti didengari penduduk.

"Jangan khuatir, gempa yang terjadi itu sekadar gegaran biasa berbanding gempa di Ranau pada tahun lalu dan yang berlaku di Kenyir ini sekadar proses gerakan batu di permukaan dasar sahaja," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pada malam Selasa lalu, Tasik Kenyir dilanda gempa bumi bermagnitud 2.7 skala Richter pada kedalaman 10 kilometer.

Penduduk di sekitar kawasan berkenaan turut mendakwa men-

dengar bunyi letupan akibat gempa tersebut.

Tasik Kenyir adalah tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan 260,000 hektar.

Sementara itu, Pengerusi Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara, **Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo** menyifatkan gempa yang berlaku di Tasik Kenyir adalah perkara biasa dan tidak akan memberi kesan kepada struktur tanah di kawasan berhampiran.

"Gegaran ini berlaku mungkin disebabkan pelarasan gempa berskala besar yang mengakibatkan kawasan seperti tasik turut mengalami gegaran yang kecil dan letupan," katanya yang juga Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara.